



**UTM** INSTITUTIONAL  
KNOWLEDGE

# LOGO KEBANGGAAN UTM

*share@UTM-IK*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**



**Naib Canselor pertama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Dato' Ainuddin bin Abdul Wahid (1975-1989), menunjukkan lambang UTM beserta moto kepada pemberita semasa sidang akhbar pada tahun 1978.**

*The first Vice-Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Dato' Ainuddin bin Abdul Wahid (1975-1989), showing the UTM emblem and motto to reporters during a press conference in 1978.*



Jawatankuasa Lambang UTM sedang memilih lambang UTM terbaik. Antara Jawatankuasa yang terlihat di dalam gambar adalah Tan Sri Dato' Ainuddin bin Abdul Wahid, Naib Canselor, Encik Ahmad Badri bin Mohamed Basir, Pendaftar dan Prof. Dr. Ar. Shamsul Baharin Ma'amor, Dekan Alam Bina dan Pengerusi JK Reka Bentuk Logo.

(Ihsan gambar: Profesor Emeritus Dato' Ar. Parid Wardi bin Sudin)

*The Emblem Design Committee deciding on the ideal UTM emblem. Tan Sri Dato' Ainuddin bin Abdul Wahid, Vice Chancellor; Encik Ahmad Badri bin Mohamed Basir, Registrar; and Prof. Dr. Ar. Shamsul Baharin Ma'amor, Dean of Built Environment cum Chairman of the Emblem Design Committee were among those pictured.*

*(Photo courtesy of Emeritus Professor Dato' Ar. Parid Wardi bin Sudin)*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**

Lambang UTM beserta moto “Untuk Tuhan dan Manusia” hasil ilham Tan Sri Dato’ Ainuddin bin Abdul Wahid pada tahun 1978. Lambang UTM adalah terdiri daripada dua bentuk asas berwarna emas iaitu sebuah buku terbuka di bahagian atas dan sebuah bulatan di bahagian bawah. Di dalam bulatan ini terdapat bentuk bulan sabit dan juga bentuk kelalang yang berwarna merah pulasan. Semua ini dilingkungi oleh bulatan nama dan cogankata Universiti.

*Tan Sri Dato’ Ainuddin bin Abdul Wahid in inspired the UTM emblem, which bears the motto “Untuk Tuhan Dan Manusia” in 1978. The UTM emblem is comprised of two basic gold forms: an open book at the top and a circle at the bottom. A crescent form and a maroon-coloured round-bottom flask are included within this circle. All of this is encircled by the university's name and slogan.*




Blok bekum lambang UTM yang awal digunakan pada tahun 1978. Blok bekum ini telah berusia 43 tahun dan masih kekal sebagai salah satu tarikan pengunjung di GALERIUM UTM sebagai warisan khazanah Universiti kepada generasi kini dan akan datang.

*In 1978, the first UTM emblem hot stamping block was used. It has been around for 43 years and still serves as a visitor attraction in the UTM Gallerium. The hot stamping block is regarded as a piece of university heritage that will be passed down to future generations.*



# LAMBANG UTM *UTM EMBLEM*

## “UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”



Blok cetakan panas pertama menggunakan moto asal UTM ‘Untuk Tuhan Dan Manusia’ yang dihasilkan pada tahun 1978. Logo dicetak pada dokumen / penerbitan rasmi universiti dan jelas tertera pada permukaan ‘buckram’ dan kepingan saduran warna emas. Moto tersebut kemudiannya ditukarkan kepada ‘Kerana Tuhan Untuk Manusia’ sehingga kini.

*Hot stamping block used in 1978 featuring UTM emblem and previous motto “Untuk Tuhan Dan Manusia”. The golden hot stamping emblem was used on official documents and publications and could be seen clearly against the buckram, a type of cloth commonly used as book covers. The motto on the emblem has since been changed to “Kerana Tuhan Untuk Manusia”.*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**



Logo UTM dengan moto “Untuk Tuhan Dan Manusia” dicetak pada dokumen / penerbitan rasmi universiti dan jelas tertera pada permukaan ‘buckram’ dan kepingan saduran warna emas.

*The UTM emblem, with the motto "Untuk Tuhan Dan Manusia", was used on official documents and publications and could be seen clearly against the buckram, a type of cloth commonly used as book covers.*

## LAMBANG UTM UTM EMBLEM

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**

### **PETIKAN BERKAITAN LAMBANG UTM QUOTES ABOUT THE UTM EMBLEM**

“Sebanyak 214 ciptaan lambang telah diterima sehingga tarikh tutup pertandingan. Setelah ditapis oleh pihak jawatankuasa pertandingan, hanya empat ciptaan lambang sahaja diterima untuk pertimbangan jawatankuasa. Empat ciptaan ini dibentangkan dalam mesyuarat.

Mesyuarat bersetuju memilih salah satu daripada empat ciptaan lambang itu. Pihak jawatankuasa lambang UTM telah diminta mencantikkan lambang ini.”

- Prof. Dr. Ar. Shamsul Baharin bin Ma'amor

*“The competition has received 214 emblem designs up until the deadline. Following a thorough screening by the competition committee, only four designs were selected for consideration by the committee members. These four designs were then presented at a meeting.*

*The meeting decided on one of the four designs to be used as the emblem. Additionally, the UTM emblem committee has been tasked with improving the emblem's aesthetic appeal”.*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**

### **PETIKAN BERKAITAN LAMBANG UTM *QUOTES ABOUT THE UTM EMBLEM***

“Logo asal yang kita terima dan terpilih adalah bulan sabit – tiga orang berdiri mewakili kaum Melayu, Cina dan India. Tan Sri tak setuju sebab negara kita ada ramai bangsa. Jadi, tukar kepada al-Quran sebagai lambang Islam dan rujukan universal. Itulah akhirnya lambang yang dapat kita lihat pada hari ini, hasil ubah suai yang kita buat...”

- Prof. Emeritus Dato' Ar. Parid Wardi bin Sudin

*“A crescent moon with three individuals standing, representing the Malays, Chinese, and Indians, was the initial logo we received and chose. Tan Sri disagreed, citing our country's diversity. As a result, the Quran is used as a symbol of Islam and as a universal reference. That is the final emblem we can see today, the result of the changes we made”.*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**

### **PETIKAN BERKAITAN LAMBANG UTM** *QUOTES ABOUT THE UTM EMBLEM*

“Selain soal kepentingan Melayu, Tan Sri adalah *the man of precision* dalam apa saja yang dia buat. Contohnya lambang ciptaan yang telah diperbetulkan oleh Parid Wardi masih belum memuaskan hati Tan Sri.

Bagi beliau dalam lambang itu hujung mesti bertemu hujung dengan begitu tajam (ambil menunjukkan lengkok bulan sabit di dalam lambang UTM)... *must be precise...* itulah arkitek bertemu *engineer...* itu membuatkan Parid Wardi pening... tidak boleh buat cincai-cincai”

- Dato' Haji Amir bin Haji Yaakub

*“Apart from his interest in Malay affairs, Tan Sri was a man of precision in everything he did. Tan Sri, for example, was still not satisfied with Parid Wardi's updated emblem design.*

*For him, the emblem's ends must be perfectly aligned (while pointing at the crescent curve of the UTM emblem). That was the 'meeting' between an architect and an engineer. This gave Parid Wardi a 'headache'... In order to get the job done right, it must be done meticulously”.*

# LAMBANG UTM

## *UTM EMBLEM*

**“UNTUK TUHAN DAN MANUSIA”**

### **PETIKAN BERKAITAN LAMBANG UTM** *QUOTES ABOUT THE UTM EMBLEM*

“Ini memang idea daripada Tan Sri. Satu tema yang jelas dan jujur mengenai peranan manusia kepada pencipta-Nya. Tan Sri memberikan takrifan mengenai peranan manusia terhadap pencipta-Nya.”

- Prof. Dr. Samad bin Solbai

*“Tan Sri came up with this idea. A straightforward and honest theme about man's relationship with his Creator. Tan Sri defined the function of man in relation to his Creator”.*

BERITA UNITEK JLD. 5 BIL. 19

## Universiti pilih "Kerana Tuhan Untuk Manusia"

Universiti Teknologi Malaysia telah memilih cogankata baru iaitu 'KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA' menggantikan cogankata 'UNTUK TUHANDANMANUSIA'. Dengan pertukaran cogankata ini lambang Universiti telah dicipta semula iaitu seperti rekabentuk berikut



Majlis pelancaran lambang baru tersebut telah dilakukan oleh Naib Canselor UTM Yang Berhormat Dato' Prof. Dr. Muhammad Ridzuan bin Haji Salleh di satu upacara ringkas pada 11 Mac 1993 bertempat di Dewan Sultan Iskandar. Tarikh kuatkuasa penggunaan lambang baru ini ialah mulai **14 Mac 1993** iaitu mengambil sempena usia 21 tahun penubuhan Universiti Teknologi Malaysia.

Universiti mengambil keputusan untuk memilih cogankata baru kerana perkataan 'KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA' lebih menejapati tuntutan Islam terutamanya dari segi konsep tauhid iaitu Tuhan sebagai Pencipta dan manusia sebagai makhluk yang dicipta-Nya.

Perkataan 'Kerana Tuhan' bererti mengakui bahawa Allah S.W.T. berkuasa mutlak dan Allah tidak memerlukan apa-apa kepentingan dan perkhidmatan dari makhluk-Nya yang faedahnya kembali kepada-Nya. Oleh itu segala perbuatan dan kegiatan harian manusia mestilah didasarkan kerana Allah. Kerana Allah/Tuhan memberi implikasi bahawa apa saja tingkah laku, rasa, jiwa dan rasa hati dinisbahkan semata-mata kerana menjunjung perintah Allah. Hasil dari keyakinan inilah segala bentuk perbuatan dan perlakuan diiktiraf sebagai ibadah.

'Untuk Manusia' bererti bahawa segala kegiatan yang dilakukan oleh manusia sesama manusia hanyalah sebagai suatu perkhidmatan yang cemerlang dan muamalat (social interaction) menuju jalan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat manusia melalui garis panduan yang ditentukan oleh Allah S.W.T.

# LAMBANG BAHARU UTM NEW UTM EMBLEM “KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA”

Penguatkuasaan tarikh penggunaan lambang baru UTM dengan cogankata "KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA" adalah pada 14 Mac 1993 iaitu mengambil sempena usia 21 tahun penubuhan UTM. Majlis pelancaran lambang baru ini telah dilancarkan oleh Naib Canselor UTM yang ketiga, Datuk Profesor Dr. Muhammad Ridzuan bin Haji Salleh pada 11 Mac 1993 bertempat di Dewan Sultan Iskandar.

*The date of enforcement of the new UTM emblem with the slogan "KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA" was March 14, 1993, which coincided with the university's 21st anniversary. The third Vice Chancellor of UTM, Datuk Profesor Dr. Muhammad Ridzuan bin Haji Salleh, launched the new emblem on March 11, 1993, at the Sultan Iskandar Hall.*

# LAMBANG BAHARU UTM *NEW UTM EMBLEM*

## “KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA”



### **SEBUAH BUKU TERBUKA BERWARNA EMAS**

melambangkan kitab suci al-Quran, iaitu sumber ilmu pengetahuan

### **BULATAN EMAS**

melambangkan alam yang mulia yang diamanahkan oleh Pencipta-Nya kepada manusia

### **KELALANG**

melambangkan Sains yang menjadi asas teknologi

### **BULAN SABIT**

melambangkan keislaman

### **THE OPEN BOOK IN GOLD**

*symbolises the Holy Qur'an as the source of knowledge*

### **THE GOLDEN CIRCLE**

*symbolises the magnificent universe entrusted upon mankind by His Creator*

### **THE ROUND-BOTTOM FLASK**

*is a symbol of Science, the basis of technology*

### **THE CRESCENT**

*symbolises Islam*

# LAMBANG BAHARU UTM NEW UTM EMBLEM “KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA”

Tanggal 15 Julai 2019, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), melakar sejarah apabila logo kebanggaan UTM diletakkan di sebuah pesawat syarikat penerbangan AirAsia Airbus A320 bermombor pendaftaran 9M-AJE.

*UTM marked history on July 15, 2019, when its logo, a symbol of honour for the community, was unveiled on an AirAsia Airbus A320 with the registration number, 9M-AJE.*



## **RUJUKAN / REFERENCES :**

### **BUKU/BOOK:**

1. Yaacob, F. (2011). *Ainuddin Pejuang 'Degil' Melayu*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

### **ARTIKEL ELEKTRONIK/ELECTRONIC ARTICLE:**

1. Mokhtar, N. H. (2019). More than just a livery, UTM to fly high eternally with AirAsia [Electronic Version]. *UTM NewsHub*, from [https:news.utm.my](https://news.utm.my)

### **ARTIKEL SURAT Khabar/NEWSPAPER ARTICLE:**

1. Universiti pilih “Kerana Tuhan Untuk Manusia”. (1993, March 15) *BERITA UNITEK*. 5.